

600 pengamal perubatan sertai persidangan sempena IHS bermula esok

10 OCT 2002

KUALA LUMPUR 29 OKT. — Sebanyak 600 pengamal perubatan hospital swasta dan awam dari 11 buah negara akan menyertai persidangan sempena Pameran Antarabangsa Penjagaan Kesihatan (IHS) 2002 selama tiga hari di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid bermula Khamis ini.

Menurut Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM), Datuk Dr. Ridzwan Bakar, kira-kira 6,500 pelawat dari Asia dijangka mengunjungi 75 pusat pameran di IHS ke-10 anjuran bersama APHM dan Reed Exhibitions Sdn. Bhd. itu.

Beliau memberitahu, Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr. Suleiman Mohamed akan merasmikan persidangan bertemakan 'Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Dalam Dunia Globalisasi,'.

"Persidangan ini akan mengupas impak, peluang dan cabaran globalisasi dalam perkhidmatan Penjagaan Kesihatan," katanya kepada *Utusan Malaysia*, di sini.

Beliau percaya persidangan dan pameran itu akan turut membantu meningkatkan Pelancongan Perubatan negara sejajar dengan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

"Hospital swasta negara ini masih ada ruang untuk memberi perkhidmatan kesihatan kepada pesakit dari luar negara tanpa membelakangkan pesakit tempatan.

"Malaysia berupaya memberi perkhidmatan itu dan pada tahun 1998 sahaja seramai 11,000 pesakit luar negara telah berbelanja sebanyak RM78 juta di negara ini," tambah beliau.

Menurut Dr. Ridzwan, persidangan itu akan turut menjelaskan tentang peluang pekerjaan dalam bidang perubatan serta persediaan negara ini menjelang globalisasi.

"Menjelang globalisasi kita perlu bersedia menyediakan peraturan-peraturan yang lebih sempurna dan efektif serta menghadkan kemasukan doktor dan pakar asing.

"Mungkin kita hanya perlu membenarkan doktor yang berkurangan dalam bidang-bidang tertentu sahaja seperti *geriatrics* (penjagaan orang-orang tua) ataupun klinikal genetik," tambah beliau.

Beliau memberitahu, beberapa penceramah terkemuka akan membentangkan beberapa kertas kerja termasuk Dorren Conrad dari Pusat Perdagangan Antarabangsa Geneva, Switzerland.

Selain itu, katanya, Tan Sri Musa Hitam akan menyampaikan ucapan utama bertajuk "Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Dalam Dunia Globalisasi."